

SISTEM PENYAMPAI PENENTU KEPADA PEMBANGUNAN BELIA

Prof Dr. Samsudin A. Rahim

Hari Belia disambut sekali lagi tahun ini. Apakah signifikannya tarikh 15 Mei kepada golongan belia? Adakah sambutan Hari Belia sebagai wadah dimana golongan belia memperteguhkan keazaman mereka dan bertekad untuk terus memajukan pembangunan belia?. Atau adakah sambutan Hari Belia hanya menjadi satu ritual tahunan?.

Sambutan Hari Belia pada tahun ini cuba mengubah ritual sambutan Hari Belia. Sambutan tahun ini lebih menyeluruh bukan sahaja sambutan diadakan diseluruh negara, tetapi aktiviti juga pelbagai untuk memenuhi pelbagai citarasa golongan belia dalam pelbagai peringkat umur. Hari belia tahun ini cuba memberikan imej baru belia yang lebih segar, dinamik dan berketrampilan.

Satu perkara yang signifikan mengenai Hari Belia tahun ini adalah ia disambut tidak berapa lama setelah Rancangan Malaysia Kesembilan dilancarkan. Ianya juga signifikan kerana negara berada dalam fasa kedua wawasan 2020 untuk menjadi sebuah negara maju dengan acuan kita sendiri.

Selaras dengan itu apa juga program pembangunan belia yang telah dirancang dalam RMK-9 ini perlulah dilaksanakan untuk mencapai matlamat yang telah dikenalpasti. Setakat ini telah banyak peruntukan digunakan untuk melaksanakan program pembangunan belia tetapi tidak banyak usaha yang dilakukan untuk memantau sejauh mana keberkesannya.

Tingkah laku devian dan salah laku golongan belia yang pernah mendapat perhatian kerajaan pada pertengahan tahun 1990an masih terus wujud dan seringkali dijadikan ukuran kurang berkesannya program pembangunan belia.

Ada juga telahan bahawa program pembangunan belia lebih bersifat retorik daripada melaksanakan program pembangunan belia dengan lebih berkesan.

Program pembangunan belia dalam RMK-9 perlu dilaksanakan dengan pendekatan yang baru. Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Datuk Othman Said telah menekankan bahawa setiap program pembangunan belia mestilah dinilai berdasarkan impaknya kepada golongan belia dan juga pulangan yang setimpal kepada peruntukan yang dibelanjakan. Melalui pendekatan ini bukan sahaja keberkesanan program dapat dikenalpasti tetapi juga memastikan bahawa tidak berlaku pembaziran dalam perbelanjaan peruntukan.

Banyak perubahan telah berlaku dalam usaha pembangunan belia. Psikologi peribadi dan persekitaran kehidupan belia telah banyak mengalami perubahan. Gaya hidup dan cita rasa mereka juga telah berubah. Begitu juga dengan pengisian masa lapang mereka. Selaras dengan itu, pembangunan belia di Malaysia mesti melalui perubahan paradigma jika ia ingin membawa kesan dan perubahan yang signifikan kepada masa depan belia di negara ini.

Dalam konteks ini usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan tahap profesionalisme pekerja-pekerja belia sama ada ia merupakan pegawai kerajaan atau pun yang mewakili badan bukan kerajaan (NGO). Jika RMK-9 menekankan peri pentingnya negara melabur untuk meningkatkan modal insan, maka pelaburan dalam modal insan perlu bermula dengan meningkatkan pengetahuan, dan orientasi pekerja-pekerja belia itu sendiri.

Kita perlu akui bahawa keberkesanan program pembangunan belia bukan bersandar kepada kuantiti tetapi kualiti program. Penekanan kepada kuantiti akan membawa kepada apa yang dikenali sebagai *large volume error*. Kita seringkali dikaburi bahawa jumlah program yang banyak dilaksanakan seolah-olah menggambarkan keberkesanan sesuatu program. Apakah kualiti program yang disajikan oleh pekerja belia boleh menarik imaginasi golongan belia masa

kini yang mempunyai perengku minda dan gelagat gaya hidup yang bersifat multi budaya?.

Begitu juga kita sering kali mencari jalan mudah untuk melaksanakan program. Kita akan mencari tempat yang mudah mendapat sambutan daripada orang ramai bukan tempat yang golongan belianya bermasalah untuk kita atasi. Pendekatan *least resistance approach* ini sememangnya sering berlaku kerana ia tidak memberi banyak masalah dan cabaran dalam menganjurkan program.

Program pembangunan belia juga perlu dilihat dalam konteks penawaran dan permintaan. Sesuatu program mesti dilakukan berdasarkan permintaan iaitu mempunyai perkaitan dengan permasalahan belia setempat sama ada mengatasi salah laku atau pun merealisasikan potesi diri belia itu sendiri. Kesan yang optimum dari segi pulangan pelaburan akan berlaku jika penawaran program sesuai dengan permintaan program.

RMK-9 juga telah mengariskan bahawa diantara faktor yang akan menentukan kejayaan matlamat pembangunannya adalah sistem penyampaian. Dalam konteks pembangunan belia program yang disampaikan kepada golongan belia perlulah berterusan untuk membolehkan kesan yang disasarkan tercapai. Pendekatan one-off atau hanya sekali dalam beberapa tahun tidak akan banyak memberi perubahan kepada golongan sasaran.

Pembangunan belia akan menjadi lebih kompleks dan memerlukan suntikan profesionalisme dalam usaha menguruskannya. Isu-isu pembangunan belia semakin kompleks kerana ia perlu menangani pelbagai isu daripada isu pembangunan sendiri individu belia, pengangguran dan pengisian masa lapang, sehinggalah kepada isu alam sekitar, globalisasi dan terrorisme yang akan membabitkan golongan belia.

Sudah sampai masanya, pembangunan belia di Malaysia terbabit sama dengan isu-isu pembangunan belia di peringkat global. Di peringkat Bangsa-Bangsa bersatu (PBB), isu pembangunan belia jelas tercatat dalam *World Programme of Action for Youth*. Pembangunan belia ini juga dikaitkan dengan matlamat *Millennium Development Goals* (MDGs). Selain itu, pembangunan belia di Malaysia juga terikat untuk merealisasikan matlamat yang telah disasarkan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Belia Malaysia.

Selain itu banyak lagi agensi atau pertubuhan di peringkat antarabangsa yang menjalankan program yang melibatkan belia secara langsung. Misalnya pertubuhan seperti Global Youth Network yang memfokuskan kepada aktiviti pembanterasannya dadah. UN-Habitat yang memfokus kepada agenda habitat dan *Millennium Development Goals*, UNFPA yang memberikan tumpuan kepada kesihatan reproduktif dan kependudukan. Begitu juga ada beberapa program yang membabitkan European Union (EC) dan negara-negara Asia.

Dalam usaha untuk menghadapi cabaran baru ini, satu persolan yang perlu dikemukakan adalah, sejauh manakah peranan dan keupayaan persatuan belia untuk bertindak sebagai sistem penyampaian aktiviti pembangunan belia yang efektif di peringkat akar umbi?. Isu-isu baru adalah isu-isu kependudukan, habitat, persekitaran, isu air dan tenaga untuk dunia, globalisasi, persamaan gender, kesihatan reproduktif dan sebagainya.

Berdasarkan keadaan persatuan belia masa kini, adakah ia masih efektif sebagai sistem penyampai aktiviti pembangunan belia di masa depan?. Keadaan persatuan belia dijangka akan menjadi lebih lesu pada tahun-tahun akan datang jika tidak ada sesuatu yang dilakukan untuk memperkasakannya semula. Aktiviti persatuan belia kurang mendapat sambutan daripada ahli-ahli persatuan belia sendiri. Kajian mengenai persatuan belia yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia mendapati sebanyak 65% ahli persatuan belia

menyatakan aktiviti yang dijalankan oleh persatuan mereka kurang menarik minat.

Setakat ini usaha memperkasakan persatuan belia dilakukan dengan pemberian bantuan pentadbiran dan juga bantuan melaksanakan program. Usaha ini mungkin membantu persatuan belia terus bergerak tetapi adakah ia boleh menjadi rakan kongsi KBS yang efektif di masa depan dalam menangani usaha pembangunan belia?.

Untuk membolehkan program sampai kepada golongan sasaran secara berterusan, rangkaian sistem penyampaian perlu diperluaskan. Dalam konteks ini rangkaian persatuan-persatuan belia boleh memainkan peranan yang penting. Di negara-negara maju, pertubuhan bukan kerajaan memainkan peranan utama dalam menyalurkan pelbagai program diperingkat akar umbi.

Satu perbezaan ketara antara badan bukan kerajaan di negara maju yang melaksanakan program pembangunan belia adalah mereka diurus secara sepenuh masa dengan pekerja yang tetap. Kebanyakan persatuan belia di negara ini diuruskan secara separuh masa dan bersifat sukarela. Persoalannya adakah persatuan belia dalam keadaan yang sedia ada boleh memainkan peranan sistem penyampai yang berkesan diperingkat akar umbi?.

Sekarang ini dilaporkan terdapat hampir 6000 persatuan belia yang mana lebih kurang 3,000 sahaja yang aktif. Beberapa tinjauan diperingkat daerah menunjukkan terdapat antara 60 hingga 100 persatuan belia dalam sesuatu daerah. Ada persatuan yang mempunyai keahlian yang terlalu kecil kurang daripada 40 ahli. Jika dilihat dalam konteks satu daerah adakah bilangan persatuan yang banyak tetapi mempunyai bilangan ahli yang kecil itu menggambarkan keupayaan persatuan belia itu sendiri?.

Melihat *trend* semasa di negara maju, badan bukan kerajaan yang melaksanakan program pembangunan belia bergerak secara tematik dan

mengkhusus dalam sesuatu bidang atau isu. Apakah ada kemungkinan jika persatuan-persatuan belia distrukturkan meluli penggabungan persatuan yang kecil agar persatuan belia menjadi kuat dengan keahlian yang besar, ditadbirkan secara sepenuh masa dan mempunyai staf yang profesional.

Singifikannya Hari Belia tahun ini ialah ia memberikan kita peluang untuk membuat anjakan minda dalam meneruskan usaha pembangunan belia. Selain itu golongan belia juga perlu melakukan anjakan minda. Pengetahuan dan kemahiran yang diberikan kepada golongan belia tidak seharusnya dijadikan kriteria untuk mendapat pekerjaan. Dalam konteks RMK-9, pembangunan belia lebih terarah bukan sahaja meningkatkan keupayaan belia tetapi juga untuk mereka menambah nilai terhadap pengetahuan dan kemahiran yang ada untuk berkecimpung dalam bidang keusahawanan dan berkerja sendiri tanpa bergantung kepada perkerjaan makan gaji.

Begitu juga dalam sambutan Hari Belia tahun ini usaha juga sedang dijalankan untuk lebih meningkatkan minat golongan belia terhadap kerja-kerja sukarela. Kajian menunjukkan bahawa kerja-kerja sukarelawan dapat membantu meningkatkan sensitiviti dan tanggungjawab belia terhadap masyarakat. Belia yang terlibat dalam kerja-kerja sukarela didapati kurang melakukan tindakan dan berkelakuan negatif. Namun begitu dikalangan belia di Malaysia minat mereka terhadap kerja sukarelawan adalah rendah.

Untuk meninjau perkembangan dan impak pembangunan belia, indeks kesejahteraan hidup belia akan diwujudkan. Indeks ini akan menjadi barometer kepada perubahan yang berlaku kepada golongan belia di negara ini. Indeks ini mengandungi lapan dimensi iaitu pembangunan sendiri, pembangunan sosial, aspek kesihatan, ciri-ciri yang diperlukan negara, akses kepada media, pengisian masa lapang, dan tingkah laku golongan belia.

Indeks ini satu percubaan baru untuk meletakkan tanda aras perkembangan belia di negara ini. Dengan indeks ini kita akan dapat memantau perkembangan

pembangunan belia adalah ia memberikan pulangan yang setimpal dengan pelaburan yang dilakukan oleh kerajaan.

Sejauh mana usaha pembangunan belia dapat meningkatkan modal insan dan mencapai matlamat negara banyak bergantung kepada sistem penyamaian yang efisien dan berkesan. Dalam konteks ini tahap profesionalisme pekerja belia sama ada dipihak kerajaan atau badan bukan kerajaan perlu dipertingkatkan.

Kepada semua belia bina bangsa, belia wawasan dan belia Malaysia, selamat menyambut Hari Belia.